

23/09/2001

Sri Lanka perlukan guru bahasa Melayu

Jamudin Idris

KUALA LUMPUR: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan pertubuhan yang memperjuangkan bahasa dan sastera di Malaysia diminta menghantar guru bahasa Melayu ke Sri Lanka kerana wujud minat mendalam keturunan Melayu negara itu mempelajari bahasa Melayu.

Pensyarah Kanan Jabatan Sejarah, Universiti Brunei Darussalam, Dr B A Hussainmiya, berkata ada kira-kira 80,000 masyarakat Melayu di Sri Lanka dan mereka berminat mempelajari bahasa yang digunakan sejak zaman nenek moyang.

Katanya, kini bahasa Melayu tidak digunakan dengan meluas kecuali di dalam keluarga tetapi mereka berminat mempelajari bahasa itu.

Ini dapat diperhatikan melalui program mingguan yang diadakan di radio dan sebulan sekali di televisyen.

"Atas sebab itu, saya minta jasa baik DBP atau pertubuhan tertentu menghantar guru untuk mengajar bahasa Melayu dan membekalkan buku," katanya kepada pemberita pada seminar "Warisan Islam Sri Lanka & Melayu Sri Lanka di Muzium Kesenian Islam Malaysia di sini semalam.

Dr Hussainmiya, seorang Melayu Sri Lanka berkata, ketika menghadiri Kongres Dunia Melayu pada 1985, beliau sudah meminta guru bahasa Melayu dikirimkan ke Sri Lanka.

Kini beliau mendengar Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Sri Lanka bercadang membawa guru mengajar bahasa Melayu di Sri Lanka.

Beliau berkata, Melayu Sri Lanka berlainan dengan Melayu Afrika kerana di Sri Lanka bahasa Melayu masih digunakan tetapi di Afrika, Melayu tinggal pada nama saja.

Bagaimanapun kerana mereka sudah lama terpisah daripada rumpun Melayu, mereka tidak mampu menggunakan bahasa Melayu standard.

Katanya, beliau sendiri bercadang untuk mewujudkan sebuah jabatan bahasa Melayu apabila pulang ke Sri Lanka nanti.

Beliau juga berkata, Sri Lanka akan menghantar perwakilan untuk menyertai Persidangan Dunia Melayu terbesar yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) mulai 12 hingga 14 Oktober.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan merasmikan seminar yang dijangka disertai kumpulan Melayu serata dunia.

Sementara itu, Pengarah Universiti Naleemiah di Beruwala, Sri Lanka, Dr Mohamed Ali Mohamed Shukri, berkata orang Islam Sri Lanka banyak dipengaruhi oleh kebudayaan masyarakat Arab seperti yang diperlihatkan pengaruh budaya Hadrami yang berasal dari negara Yaman dan Hadramaut.

Bagaimanapun, hubungan yang terjalin di antara orang Islam di Selatan India dan Kepulauan Melayu memperkayakan corak kebudayaan orang Islam di Sri Lanka.

(END)